

26/06/2003

Pelaburan berhemat KWSP bawa manfaat

JIKA ditanya kepada 10 orang bagaimana sebuah dana seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) perlu diuruskan, barangkali 10 pandangan berbeza akan diterima. Masing-masing mempunyai kehendak sendiri daripada menyamakan KWSP dengan bank yang membolehkan pengeluaran dibuat bila-bila

masa hinggalah kepada desakan supaya dividen lebih tinggi dibayar.

Namun,

dalam keghairahan pencarum seperti itu, ramai yang terlupa bahawa simpanan

KWSP adalah untuk bekalan hari tua. Lantaran itu juga, KWSP perlu berhati-

hati dalam pelaburannya dengan mengelakkan risiko besar. Pulangan yang rendah adalah hasil daripada pelaburan berisiko rendah yang sebenarnya mencerminkan dasar pelaburan yang berhemat.

Ketika ini, kira-kira 75 peratus daripada pelaburan KWSP ditempatkan dalam pelaburan berisiko rendah yang menjanjikan pulangan pasti seperti Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), pinjaman, pasaran wang dan hartanah. Hanya 25 peratus yang dilaburkan dalam pasaran ekuiti yang pulangannya lebih besar tetapi ia juga berisiko tinggi. Di samping itu, persekitaran kadar faedah semasa yang rendah turut memberi kesan kepada pulangan pelaburan KWSP berikutan portfolio pelaburannya yang menjurus kepada pelaburan berisiko rendah dengan kadar pulangan tetap. Gara-garanya juga,

adalah sukar bagi KWSP - yang banyak bergantung kepada kadar faedah - untuk mengeluarkan dividen tinggi kepada pencarum.

Perubahan kadar pulangan dividen juga sebenarnya bergantung kepada jumlah aset KWSP yang jauh lebih besar berjumlah RM203 bilion ketika ini,

menyebabkan ia lebih sukar diuruskan. Sebagai perbandingan, kerajaan banyak menerbitkan MGS sekitar tahun 80-an dan ia sememangnya memberikan pulangan menggalakkan, iaitu sekitar lapan peratus. Bagaimanapun, penerbitan MGS kini jauh berkurangan berikutan tumpuan kepada penswastaan

projek kerajaan hingga menyebabkan agak sukar bagi KWSP mencari pelaburan

yang sesuai dengan kehendaknya. Tambahan pula pelaburan KWSP terhad kepada

pasaran Malaysia saja berikutan kawalan modal yang dilaksanakan kerajaan sejak 1998. Lagipun, pelaburan di luar negara bukan tanpa risiko.

Cadangan pelaburan KWSP dalam projek pembangunan prasarana tempatan, seperti dinyatakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, adalah antara pilihan dalam mendapatkan pulangan lebih baik. Dengan membiayai syarikat yang membina bangunan dan KWSP pula mendapat pulangan daripada pemaju hasil pajakan, pendapatan yang diperoleh adalah lebih tinggi daripada kadar faedah simpanan di bank. Sesuai dengan pendirian panel pelaburan KWSP yang sentiasa bersikap terbuka dalam menangani isu membabitkan pelaburan, cadangan itu wajar mendapat pertimbangan dalam usaha meningkatkan pendapatan, sekali gus membolehkan

pencarum menerima dividen lebih tinggi.